



BIL 2/2020  
13 OKTOBER 2020

**ARAHAN PEMATUHAN TAMBAHAN DI BAWAH KENDALIAN  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR**

**SILA AMBIL PERHATIAN!** Bagi mengekang penularan pandemik Covid-19, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menetapkan suatu arahan untuk dikuatkuasakan. Pemakluman dan arahan ini berkuat kuasa pada 13 Oktober 2020 sehingga kawasan positif Covid-19 diisytiharkan hijau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Bagi semua kawasan yang dibenarkan untuk beroperasi hendaklah mematuhi arahan-arahan seperti berikut:

<b>APLIKASI MySejahtera</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua pengusaha premis adalah <b>DIWAJIBKAN untuk menggunakan aplikasi MySejahtera</b> bagi mendaftar dan mengawal kemasukan pelanggan/pelawat ke premis termasuk premis perniagaan, tapak pembinaan, kilang, pejabat dan sebagainya.</li><li>• Sekiranya terdapat kesukaran kepada pelanggan/pelawat untuk menggunakan aplikasi MySejahtera seperti warga emas atau ketiadaan pengimbas kod bar di telefon mudah alih, pengusaha premis adalah dimestikan menggunakan buku daftar yang ditulis oleh pelanggan/pelawat sebagai alternatif kedua. Walau bagaimanapun, aplikasi MySejahtera masih tetap diwajibkan ke atas pengusaha premis.</li></ul>
<b>PEMAKAIAN PELITUP SEPARUH MUKA (FACE MASK)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bermula 1 Ogos 2020, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan arahan <b>PEMAKAIAN PELITUP MUKA ADALAH DIWAJIBKAN</b> di kawasan awam yang sesak seperti pasar tani dan pasaraya dan di dalam pengangkutan awam.</li><li>• <b>Pengusaha premis perniagaan adalah AMAT DIGALAKKAN untuk menjual <i>face mask</i></b> bagi memudahkan urusan pelanggan yang tidak memakai <i>face mask</i> pada masa tersebut. Walau bagaimanapun harga jualan <i>face mask</i> adalah tertakluk kepada harga siling yang dibenarkan oleh kerajaan.</li></ul>

## SEKTOR YANG DIBENARKAN

BIL	JENIS SEKTOR	TEMPOH MASA OPERASI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN
1.	<p><b>SEKTOR MAKANAN (PERNIAGAAN BERPREMIS)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>√ Restoran</li> <li>√ Medan Selera/Pusat Penjaja</li> <li>√ Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung/Kiosk)</li> </ul>	<p>Dibenarkan beroperasi dalam julat masa dari tempoh kebiasaan premis dibuka dan premis hendaklah ditutup sebelum jam 2 pagi</p>
	<p><b>(PERNIAGAAN / PENJAJAAN TANPA PREMIS)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>√ Kenderaan Saji (<i>Food Truck</i>)</li> <li>√ Penjaja Beredar</li> <li>√ Penjaja Tepi Jalan (Sementara)</li> <li>√ Pasar Pagi Peremba</li> <li>√ Pasar Pagi Telok Wanjah</li> <li>√ Pasar Pagi Simpang Kuala</li> <li>√ Pasar Pagi Taman Berjaya</li> <li>√ Pasar Pagi Taman Bersatu</li> <li>√ Pasar Pagi Kampung Berjaya (kecuali pasar karat tidak dibenarkan)</li> <li>√ Pasar Pagi Pokok Sena</li> <li>√ Pasar Malam Simpang Empat</li> <li>√ Pasar Malam Taman Aman</li> <li>√ Pasar Malam Belakang Sime Tyre</li> <li>√ Pasar Malam Taman Aman 2</li> <li>√ Pasar Malam Kedondong (berpindah ke tapak tempat letak kereta (TLK) Pasar Awam Pokok Sena)</li> <li>√ Pasar Malam Seberang Jalan Putra</li> <li>√ Pasar Malam Pacific (berpindah ke tapak Pasar Malam Jalan Putra)</li> <li>√ Pasar Malam Simpang Kuala</li> <li>√ <i>Uptown Stadium</i></li> <li>√ Pasar Sehari Anak Bukit</li> <li>√ Pasar Sehari Langgar</li> <li>√ Pasar Sehari Simpang Empat</li> <li>√ Pasar Tani Taman Wira Mergong</li> <li>√ Pasar Tani Taman Nuri</li> <li>√ Pasar Tani Tapak Letak Kereta Pacific</li> </ul>	<p>Pasar Terbuka / Pasar Pagi : 6 pagi hingga 11 pagi</p> <p>Pasar Malam : 4 petang hingga 10 malam</p> <p>Bazaria : 5 petang hingga 11 malam</p>

BIL	JENIS SEKTOR	TEMPOH MASA OPERASI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN
	<b>(PASAR BERBANGUNAN)</b> ✓ Pasar Awam	Pasar Terbuka / Pasar Pagi : 6 pagi hingga 11 pagi
	<b>(PASAR BERBANGUNAN)</b> ✓ Pasar Borong	Waktu niaga – 12 tengah malam hingga 9 pagi Waktu operasi – 9 malam hingga 12 tengahari  <i>Nota: Waktu operasi adalah sebagai persediaan peniaga/pekerja mengangkat/memunggah loading/unloading barang sebagai persediaan untuk aktiviti mula berniaga serta menutup premis.</i>
2.	<b>SEKTOR PERUNCITAN</b> ✓ Kompleks Membeli Belah ✓ Pasaraya / Pasaraya Besar ✓ <i>Departmental Store</i> ✓ Farmasi / Penjagaan Diri ✓ Butik / Kedai Pakaian ✓ Kedai serbaneka / mini mart ✓ Dobi (termasuk layan diri) ✓ Bengkel Kenderaan dan Penyelenggaraan ✓ Kedai Alat Ganti ( <i>Spare Part</i> ) ✓ Lain-lain premis yang dibenarkan untuk beroperasi	Dibenarkan beroperasi dalam julat masa dari tempoh kebiasaan premis dibuka dan premis hendaklah ditutup sebelum jam 2 pagi
	✓ Kedai Pakaian / Aksesori Fesyen ✓ Kedai Perabot ✓ Kedai Emas ✓ Kedai Elektrik dan Elektronik ✓ Kedai Buku & Alat Tulis ✓ Kedai <i>Hardware</i> ✓ Kedai Makanan Haiwan ✓ Kedai Cermin Mata dan Alat Optik ✓ Stesen Minyak	Waktu operasi biasa

BIL	JENIS SEKTOR	TEMPOH MASA OPERASI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN
3.	<b>SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKILANGAN</b> ✓ Semua sektor pembuatan dan perkilangan	Dibenarkan beroperasi dalam julat masa dari tempoh kebiasaan premis dibuka dan premis hendaklah ditutup sebelum jam 12 malam
4.	<b>SEKTOR PEMBINAAN</b>	Waktu operasi biasa
5.	<b>SEKTOR PERKHIDMATAN IKHTISAS &amp; PROFESIONAL</b> ✓ Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantai kepada ekonomi	Waktu operasi biasa
6.	<b>SEKTOR KEDAI GUNTING RAMBUT, HAIR DRESSER DAN SALUN KECANTIKAN</b> ✓ Gunting rambut asas ✓ Cuci rambut asas ✓ Cukur jambang, misai dan janggut ✓ Solekan dan rawatan rambut ✓ Merias dan merawat kuku ✓ Cucian dan rawatan muka ✓ Solekan bulu mata	Dibenarkan beroperasi dalam julat masa dari tempoh kebiasaan premis dibuka dan premis hendaklah ditutup sebelum jam 12 tengah malam
7.	<b>SEKTOR COSMETIC, SKIN CARE &amp; FRAGRANCE TESTER</b> ✓ Cleansers (termasuk make-up removers) ✓ Toners ✓ Masks ✓ Serums dan oils ✓ Moisturizers ✓ Eye care products ✓ Sunscreens ✓ Mists ✓ Fragrances ✓ BB cream dan CC cream ✓ Bedak asas (Foundation) ✓ Sahap Noda (Concealer)	Dibenarkan beroperasi dalam julat masa dari tempoh kebiasaan premis dibuka dan premis hendaklah ditutup sebelum jam 10 malam

BIL	JENIS SEKTOR	TEMPOH MASA OPERASI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>√ Loose, cushion dan compact powder</li> <li>√ Pemerah pipi (Blusher)</li> <li>√ Maskara</li> <li>√ Pewarna dan penjagaan bibir</li> <li>√ Highlighter dan bronzer</li> <li>√ Penggaris mata (Eyeliner)</li> <li>√ Pensil/ Penggaris/ Gel/ Pembayang kening (Brow pencil/ liner/ gel/ powder)</li> <li>√ Pembayang mata (Eyeshadow)</li> </ul>	

### SENARAI AKTIVITI YANG DILARANG

BIL	JENIS AKTIVITI
1.	Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negeri memasuki Malaysia.
2.	Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.
3.	Aktiviti di dalam pub dan kelab malam, kecuali perniagaan restoran di dalam pub dan kelab malam.
4.	Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan rama orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan sosial dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah.

Tuan/Puan hendaklah mematuhi arahan yang telah ditetapkan selagi arahan ini berkuat kuasa. Sekiranya tuan/puan gagal atau ingkar mematuhi arahan ini, **TINDAKAN PENGUATKUASAAN** boleh diambil mengikut undang-undang yang diperuntukkan.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Dengan Arahan,

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR**